

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 29 Disember 2023



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
MALAYSIA TRADE STATISTICS REVIEW
2023

Jumlah perdagangan industri makanan di Malaysia berkembang 31.8 peratus atau RM29.0 bilion kepada RM120.2 bilion pada tahun 2022

PUTRAJAYA, 29 Disember 2023 – Industri makanan merupakan antara penyumbang utama kepada ekonomi negara yang mempunyai permintaan yang tinggi dan berterusan. Jumlah perdagangan produk makanan Malaysia berkembang 31.8 peratus atau RM29.0 bilion kepada RM120.2 bilion, disumbangkan terutamanya oleh import dengan nilai RM75.6 bilion berbanding eksport RM44.6 bilion. ***MALAYSIA TRADE STATISTICS REVIEW (MTRSR) 2023*** memberikan gambaran keseluruhan yang komprehensif dan maklumat menyeluruh tentang prestasi perdagangan industri makanan Malaysia bagi produk terpilih dengan menawarkan informasi yang bermanfaat kepada pengguna untuk mendapatkan gambaran ekonomi yang lebih holistik.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “MTRSR 2023 melaporkan prestasi dagangan industri makanan di Malaysia dan hubungkaitnya dengan indikator statistik lain yang berkaitan. Edisi kali ini memberi tumpuan kepada makanan, terutamanya kepada makanan diproses, industri buah-buahan, produk daging, produk tenusu, cili dan kopi.”

“Industri pemprosesan makanan di Malaysia memainkan peranan penting terhadap pertumbuhan ekonomi, memberikan sumbangan 1.6 peratus kepada KDNK

Malaysia dengan nilai ditambah sebanyak RM28.1 bilion dalam sektor pembuatan pada tahun 2022. Perdagangan buah-buahan Malaysia telah berkembang pesat daripada RM427.8 juta pada tahun 1990 kepada RM6.1 bilion pada 2022. Selain itu, sektor daging di Malaysia turut mengalami pertumbuhan yang ketara dengan eksport daging lembu meningkat daripada RM11.1 juta pada 2020 kepada RM21.3 juta pada 2022. Sementara itu, keperluan terhadap produk tenusu yang mengatasi pengeluaran tempatan, mendorong Kerajaan untuk melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif untuk memastikan bekalan berterusan pada harga yang berpatutan, yang antara lain melalui pengimportan. Peningkatan hasil melalui teknologi penanaman fertigasi cili tempatan mengurangkan kebergantungan kepada import. Malaysia mengeksport kopi dan pengganti kopi, dengan nilai RM1.2 bilion pada 2012 meningkat kepada RM2.4 bilion pada 2022.”

Ketua Perangkawan Malaysia menjelaskan bahawa peningkatan yang tinggi dalam import berbanding eksport produk makanan telah mendorong peningkatan defisit perdagangan berjumlah RM31.0 bilion pada 2022. Sejak 32 tahun yang lalu, trend eksport dan import makanan di Malaysia dilihat tidak menentu dengan pertumbuhan eksport tertinggi dicatatkan pada 2008 (+20.6%) dan pertumbuhan import memuncak pada tahun lalu (+41.3%).

“Singapura kekal sebagai negara destinasi utama dengan sumbangan 19.1 peratus kepada jumlah eksport makanan Malaysia pada tahun lalu. China merupakan negara destinasi kedua tertinggi eksport makanan dengan nilai RM5.6 bilion. Negara asal utama produk makanan Malaysia pada 2022 didominasi oleh China bernilai RM8.7 bilion (11.5% daripada import makanan), diikuti Argentina (RM7.9 bilion) dan Thailand (RM7.0 bilion).“

Keterjaminan makanan adalah suatu aspek kesejahteraan rakyat yang penting dan sentiasa menjadi agenda utama di peringkat global. Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 diperkenalkan bagi tujuan memperbanyakkan sumber dalaman, dan pada masa yang sama mempelbagaikan sumber import bagi memastikan kesiapsiagaan negara dalam mendepani krisis keterjaminan makanan. Dalam hal ini, Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) boleh menyumbang kepada pengukuhan rantai nilai yang aktif dengan rakan perdagangan untuk mengekalkan sekuriti makanan utama Malaysia dan tanaman lain.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
29 DISEMBER 2023

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, December 29th, 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
MALAYSIA TRADE STATISTICS REVIEW
2023

Total trade of food industry in Malaysia grew 31.8 per cent or RM29.0 billion to RM120.2 billion in 2022

PUTRAJAYA, December 29, 2023 – *The food industry is a major contributor to the national economy and has a high and constant demand. Total trade of Malaysia's food grew 31.8 per cent or RM29.0 billion to RM120.2 billion in 2022, attributable mainly to imports with a value of RM75.6 billion as compared to exports of RM44.6 billion. **MALAYSIA TRADE STATISTICS REVIEW (MTSR) 2023** presents a comprehensive overview and thorough information on the trade performance of Malaysia's food industry of selected products to offer beneficial information for the users to get more holistic picture of the economy.*

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "MTSR 2023 reports on the trade performance of the food industry in Malaysia and its relationship with other relevant statistical indicators. This edition focusing on food, particularly the food processing sector, fruit industry, meat products, dairy products, chillies and coffee."

"The food processing industry in Malaysia is a cornerstone of economic growth, contributed 1.6 per cent to Malaysia's GDP with a value-added of RM28.1 billion in manufacturing sector in 2022. Malaysia's trade of fruit improved greatly from RM427.8 million in 1990 to an impressive RM6.1 billion in 2022. Besides that, meat

sector in Malaysia experienced significant growth with exports of beef increasing from RM11.1 million in 2020 to RM21.3 million in 2022. Meanwhile, as the consumption of dairy products surpassed local production, the government had undertaken various efforts and initiatives to ensure a continuous supply at an affordable price, among others was through imports. The increase in yield in the local chili fertigation cultivation technology could reduce dependence on the imports. Malaysia exported coffee & coffee substitutes, with a value of RM1.2 billion in 2012 increasing to RM2.4 billion in 2022.”

Chief Statistician Malaysia explained that the high increase in imports as compared to exports of food products has led to an increase in the trade deficit amounting to RM31.0 billion in 2022. For the past 32 years, the trend of exports and imports of Malaysia’s food were seen uncertain with the highest export growth recorded in 2008 (+20.6%) and import growth peaking (+41.3%) last year.

“Singapore remained the main destination country with a 19.1 per cent contribution to Malaysia’s total food exports last year. China was the second highest country of destination for food exports with a value of RM5.6 billion. The main country of origin of Malaysia’s food products in 2022 was dominated by China worth RM8.7 billion (11.5% of food imports), followed by Argentina (RM7.9 billion) and Thailand (RM7.0 billion).”

Food security is an important aspect of people’s well-being and is always a major agenda at the global level. The National Food Security Policy 2021-2025 was introduced for the purpose of increasing internal resources, and at the same time diversifying import sources to ensure the country’s preparedness in facing the food security crisis. In this regard, Free Trade Agreements (FTAs) may contribute to strengthen value chain activities with trading partners to maintain the security of Malaysia’s staple food and other crops.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users’ analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development.”

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
29 DECEMBER 2023**